



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[ZAINUDDIN LABAY AL-YUNUSIYYAH: THE GREAT MUSLIH FROM MINANGKABAU]

ZAINUDDIN LABAY AL-YUNUSIYYAH: MUSLIH HEBAT DARI MINANGKABAU

NUR ADILA MUHAMMAD¹
IZZIAH SURYANI MAT RESAD @ ARSHAD^{2*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: izziah@ukm.edu.my

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 March 2021

Abstract

Zainuddin Labay al-Yunusiyyah was one of the *Islah* Minangkabau scholar that play a huge role in the *Islah* Islamic thought and Islamic education reformation. Even though his education background is informal and was only received in the Minangkabau region, he can be regarded as an exemplary scholar that is very progressive and can be regarded highly with other *Islah* scholars. His biggest contribution that gives a huge impact towards the Muslim Minangkabau community is the Islamic education reformation with modern orientation. This model of modern Islamic education Institution that was introduced by Zainuddin Labay al-Yunusiyyah became a prime example to the establishment of other Islamic education institution. Thus, this research will study the *Islah* movement in Minangkabau and the biography of Zainuddin Labay al-Yunusiyyah. In addition, the objective of this research is to analyse his role regarding the thought purification and Islamic education reformation in Indonesia. This research is a qualitative research that utilizes the content analysis as the research design with the use of historical research method. The finding of this research shows that Zainuddin Labay al-Yunusiyyah was one of the *Islah* scholars from the 20th century. Even though he did not receive a formal education and only receive his education in Minangkabau, he emerge as one of the reformation figure of *Islah* that have a huge impact to the *Islah* movement in Minangkabau especially the Islamic education reformation and also the *Islah* of Islamic thought in Minangkabau. The Islamic education reformation that has been done by Zainuddin Labay al-Yunusiyyah become the foundation and model of the Islamic education reformation in whole of Minangkabau and Indonesia.

Keywords: *Islah* scholar, *islah* of Islamic thought, education reformation, Zanuddin Labay al-Yunusiyyah, Minangkabau

Abstrak

Zainuddin Labay al-Yunusiyyah merupakan seorang daripada ulama *islah* Minangkabau yang memainkan peranan besar dalam *islah* pemikiran dan reformasi pendidikan Islam. Walaupun beliau mempunyai latar belakang pendidikan yang tidak teratur dan hanya belajar dalam wilayah Minangkabau, namun beliau merupakan seorang tokoh ulama yang begitu progresif dan mampu menyamai tokoh-tokoh *islah* terkemuka yang lain. Sumbangan terbesar beliau yang memberi impak besar kepada umat Islam Minangkabau ialah pembaharuan pendidikan Islam berorientasikan moden. Model institusi pendidikan Islam moden yang diperkenalkan oleh Zainuddin Labay al-Yunusiyyah menjadi contoh kepada penubuhan institusi pendidikan Islam yang lain. Justeru, kajian ini meneliti gerakan *islah* di Minangkabau dan biografi Zainuddin Labay al-Yunusiyyah. Selain itu, objektif kajian ini juga menganalisis peranan beliau terhadap pemurnian pemikiran dan pembaharuan pendidikan Islam di Indonesia. Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif menggunakan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian dengan menggunakan metode kajian sejarah. Hasil kajian mendapati Zainuddin Labay al-Yunusiyyah merupakan seorang daripada ulama *islah* abad ke-20. Walaupun beliau tidak mendapat pendidikan yang sistematik dan hanya belajar di Minangkabau sahaja, beliau mampu muncul sebagai tokoh pembaharu dan *islah* yang memberi impak besar kepada gerakan *islah* di Minangkabau terutamanya reformasi pendidikan Islam dan juga *islah* pemikiran Islam di Minangkabau. Pembaharuan pendidikan Islam yang dilakukan oleh Zainuddin Labay al-Yunusiyyah menjadi asas dan model kepada pembaharuan pendidikan Islam di seluruh Minangkabau dan juga Indonesia.

Kata kunci: ulama *islah*, *islah* pemikiran Islam, reformasi pendidikan Islam, Zainuddin Labay al-Yunusiyyah, Minangkabau

Cite as: Nur Adila Muhammad & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2021. Zainuddin Labay al-Yunusiyyah, Muslih Hebat dari Minangkabau. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 61-73.

PENGENALAN

Perkembangan pendidikan Islam di Indonesia tidak dapat dipisahkan dengan pembaharuan Islam di Nusantara. Menurut Harun (1994: 11) pembaharuan bermaksud pemikiran, aliran, gerakan dan usaha untuk mengubah fahaman, adat istiadat, kepercayaan lama dan sebagainya supaya dapat disesuaikan dengan suasana baru yang ditimbulkan oleh kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi moden. Sebagaimana yang terjadi di Barat, dunia Islam juga banyak terlibat dengan pembaharuan-pembaharuan dalam gerakan keagamaan dan institusi-institusi pendidikan sejajar dengan perkembangan ilmu yang terjadi mengikut teknologi pada sesuatu zaman. Pendidikan Islam ialah usaha berbentuk bimbingan dan asuhan terhadap anak murid agar apabila murid menyelesaikan pengajiannya, dia dapat memahami dan mengamalkan ajaran Islam serta menjadikannya sebagai jalan hidup. Oleh kerana matlamat pendidikan Islam ialah mengutamakan Islam dan akhlak pelajar maka pendidikan Islam tampak berbeza dengan pendidikan umum yang lain (Marimba, 1962: 19).

Pembaharuan pendidikan Islam menurut Abdul Fadhl (2007: 44) ialah usaha untuk membimbing dan memindah nilai-nilai Islam secara rohani dan jasmani bagi membentuk

terjadinya keperibadian yang baik sesuai dengan situasi dan keadaan pada masa itu. Salah satu daerah yang banyak berlaku rombakan dalam kaedah pendidikan Islam adalah di wilayah Sumatera Barat atau Minangkabau. Pendidikan Islam pada asalnya hanya dipelajari di surau-surau dan menggunakan sistem tradisional seperti sistem halaqah dan kaedah hafalan. Kemudian pada awal abad ke-20M, golongan islah telah mengambil inisiatif untuk mengubah lembaga pendidikan Islam yang dikatakan sudah ketinggalan jauh berbanding dengan sistem pendidikan Belanda yang sudah maju ke hadapan.

Antara lembaga pendidikan Islam berorientasikan moden yang terawal ialah *Diniyah School* yang diasaskan oleh Zainuddin Labay al-Yunusiyyah pada tahun 1915. Beliau telah menggabungkan dua cabang keilmuan, iaitu ilmu duniawi dan ilmu agama dalam subjek-subjek yang terdapat di dalam *Diniyah School*. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah yang menggunakan sistem pendidikan yang teratur dan para pelajar sudah mempunyai prasarana yang kondusif untuk belajar seperti kerusi, meja dan papan putih. Pelajar-pelajar sudah diberi jadual belajar secara teratur dan teliti. Penubuhan sekolah ini secara umumnya mendapat respon yang positif daripada seluruh masyarakat Minangkabau bahkan kepada seluruh rakyat yang berada di Indonesia.

BIOGRAFI ZAINUDDIN LABAY AL-YUNUSIYYAH

Zainuddin Labay atau nama gelarannya ialah Zainuddin Labay al-Yunusiyyah dilahirkan pada tarikh 12 Rejab 1308H bersamaan dengan tahun 1890M di Bukit Surungan Padang Panjang (Aminuddin, 1991: 388; Edwar, 1981: 189-190; Tim Penyusun, t.th.: 169). Beliau merupakan anak kepada seorang ulama yang terkenal, iaitu Syeikh Muhammad Yunus al-Khalidiyah. Ayahnya memegang jawatan kadi di sebuah daerah yang dikenali sebagai Pandai Sikat. Ibunya pula bernama Rafiah manakala datuknya, Imanuddin juga terkenal sebagai seorang ulama yang masyhur dan seorang daripada pemimpin aliran tarekat Naqshabandiyah. Taufiqurrahman (2011: 73) mengatakan Zainuddin Labay juga mempunyai ikatan kekeluargaan daripada sebelah bapanya dengan Haji Miskin yang merupakan seorang daripada ulama Minangkabau terkenal dan tokoh penting gerakan Padri.

Ibunya pula iaitu Rafiah berasal dari negeri IV Angkat Candung Agam. Ibunya tidak pernah mendapat pendidikan secara formal di mana-mana sekolah yang tertentu kerana di Minangkabau pada ketika itu, anak-anak perempuan mereka tidak berkesempatan untuk mengikuti pendidikan secara formal. Namun begitu, Rafiah masih mampu untuk membaca al-Qur'an dan menulis huruf Arab. Hal ini kerana, dikatakan ibunya berkemungkinan mendapat bimbingan daripada saudara kandungnya, iaitu Kudi Urai. Zainuddin Labay mempunyai lima orang adik beradik. Beliau merupakan anak sulung dalam adik-beradiknya. Berikut merupakan nama adik-beradik beliau, iaitu Mariah (1893-1972), Muhammad Rasyad (1895-1956), Riahahah (1898-1968) dan Rahmah (1900-1969) (Aminuddin, 1991: 33).

Zainuddin Labay mendapat bimbingan dan pendidikan awal daripada ibu bapanya sendiri. Ibu bapanya amat mementingkan soal sistem nilai dalam diri anak-anak mereka dan menekankan agar tidak menyimpan perasaan dendam kepada sesiapa sahaja yang berbuat jahat kepada mereka. Mereka juga menerapkan soal nilai sopan santun, tidak sombong dan membangga diri dalam diri anak-anak perempuan mereka kerana menurut bapanya sifat-sifat sedemikian merupakan bukan sifat seorang muslim. Selain itu juga, Zainuddin dan saudara-

saudaranya juga menerima pendidikan rumah tangga daripada kedua ibubapa mereka (Taufiqurrahman, 2011: 76).

Menurut Taufiqurrahman (2011: 77), beliau telah berkahwin sebanyak dua kali. Pada tahun 1912, Zainuddin Labay telah berkahwin dengan seorang gadis yang bernama Sawiyah yang berasal dari Bukit Surungan, Padang Panjang. Namun perkahwinan Zainuddin dengan isterinya tidak bertahan lama dan berakhir dengan penceraian. Selepas itu, beliau telah berkahwin dengan gadis dari desa Jambu, Gunung-Gunung Panjang yang bernama Djaldiah. Beliau mempunyai dua orang anak hasil daripada perkahwinan dengan isteri pertama, iaitu seorang perempuan dan seorang lelaki.

Mereka ialah Zuraidah Zainuddin Labay lahir pada 1914. Beliau satu-satunya anak perempuan tunggal daripada salasilah keturunan Zainuddin Labay yang aktif di sekolah yang diasaskan oleh ibu saudaranya, iaitu adik kepada bapanya yang bernama Rahmah el-Yunusiyah. Di sekolah itu juga, beliau telah mendapat pendidikan awal dalam tempoh tujuh tahun. Selain itu juga, beliau berpengalaman menjadi barisan pimpinan di Kulliyatul Mu'allimat el-Islamiyah (KMI) cawangan Riau di Pekanbaru. Anak beliau yang kedua pula bernama Tanius Mathran Hibatullah yang lahir pada 1917. Beliau tidak mempunyai banyak sumbangan dan juga kegiatan. Hal ini kerana, beliau terlebih dahulu meninggal dunia daripada Zuraidah.

Pada tahun 1342H bersamaan 1924M, Zainuddin Labay telah menghembuskan nafas terakhir pada usia yang muda, iaitu ketika berusia 34 tahun. Hamka (1982: 304) menyebutkan bahawa anak-anak didiknya termasuklah masyarakat awam amat merasai kekosongan dalam tempoh masa yang lama.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Pendidikan awal Zainuddin Labay lebih tertumpu kepada pendidikan tidak formal beliau yang mendapat pendidikan agama daripada ayah beliau sendiri. Kemudian, ketika Zainuddin Labay berusia lapan tahun, beliau dihantar oleh ayahnya ke sekolah kerajaan kolonial Belanda atau *Hollandsche Indlandsche School* (HIS). Namun, pengajian beliau di sana tidak lama kerana beliau mendapati pendidikan di sekolah itu lebih tertumpu kepada duniawi semata-mata dan jelas bahawa pendidikan kolonial Belanda lebih memberi kepentingan kepada Belanda sendiri bukannya kepada penduduk (Taufiqurrahman, 2011: 80).

Setelah Zainuddin Labay berhenti dan keluar dari sekolah kolonial Belanda (HIS), beliau belajar semula dengan ayahnya pelbagai ilmu agama. Namun, keseronokan belajar dengan ayahanda tercinta tidak lama kerana ayahnya dijemput Ilahi. Hal ini menimbulkan pengaruh besar terhadap pendidikan Zainuddin Labay yang semakin terabai kerana ketika itu beliau lebih memerlukan bimbingan dan pendidikan untuk menjalani kehidupan pada masa hadapan. Dalam keadaan ini juga, beliau lebih banyak bermain dan menghabiskan masa bersama kawan-kawan berbanding belajar (Taufiqurrahman, 2011: 81).

Selepas beberapa lama Zainuddin Labay mengabaikan pelajarannya, beliau mendapat berita mengenai seorang ulama yang sangat arif dan pintar di Sungai Batang, satu daripada daerah yang terletak di tepi danau Maninjau. Ulama itu dikenali sebagai Haji Abdul Karim Amrullah yang baru pulang dari Mekah. Berita tersebut telah menyuntik semula semangat beliau untuk mempelajari semula ilmu agama. Kendatipun begitu, ibu Zainuddin, Rafiah tidak membenarkannya untuk pergi belajar kerana tempat itu sangat jauh dan sukar untuk

mendapatkan kenderaan menuju ke sana (Hamka, 1982: 301). Hasrat Zainuddin Labay tidak berjaya untuk belajar ke sana bukanlah satu masalah yang besar kerana beliau mendapat izin ibunya untuk belajar dengan seorang ulama moden di Padang yang bernama Haji Abdullah Ahmad. Beliau mendapat restu ibunya dan diberi pula wang belanja serta bekalan lain untuk belajar di Padang. Namun, tempoh belajarnya hanya lapan hari dengan Haji Abdullah Ahmad dan beliau pulang semula ke rumahnya.

Sikap Zainuddin Labay yang mengabaikan pelajaran menimbulkan kerisauan ibunya semula dan setelah itu ibunya mencadangkan beliau pergi belajar dengan Syeikh Abbas Abdullah di Padang Japang Payakumbuh. Zainuddin Labay menyambut cadangan ibunya dengan baik dan bersetuju untuk belajar di sana. Menurut Edwar (1981: 190), selama dua tahun belajar dengan Syeikh Abbas Abdullah, Zainuddin Labay dikenali sebagai pelajar yang nakal kerana suatu ketika itu, beliau bermain bola sepak dengan rakannya semasa waktu kelas. Dari itu, gurunya Syeikh Abbas Abdullah marah dengannya sehingga melemparkan semua barang Zainuddin Labay seperti pakaian, tilam dan barang-barang lain ke dalam kolam mandi. Setelah mengetahui bahawa gurunya itu amat marah padanya, beliau mengambil keputusan untuk pulang ke kampung halamannya dan tidak lama selepas itu, Zainuddin Labay kembali semula ke Padang Japang kerana mengetahui bahawa Syeikh Abbas Abdullah telah memaafkannya.

Menurut Aminuddin (1991: 341), dalam masa dua tahun Zainuddin Labay belajar di surau Padang Japang, beliau mempunyai bakat dan kecerdasan yang tersendiri berbanding pelajar lain sehinggakan Syeikh Abbas Abdullah memberi kepercayaan kepadanya menjadi pembantu guru. Namun, Zainuddin Labay tidak lama di situ kerana beliau mengetahui dan mempunyai hasrat yang tinggi untuk bertemu serta belajar dengan Haji Abdul Karim Amrullah yang berada di Padang Panjang untuk mengajar dan membina surau Jembatan Besi. Sewaktu kembali ke Padang Panjang, Zainuddin Labay sangat gembira kerana hajatnya untuk bertemu dan belajar dengan Haji Abdul Karim Abdullah menjadi nyata. Selain daripada itu, Zainuddin Labay juga menunjukkan semangat belajarnya dengan baik sehingga mendapat pula kepercayaan daripada Haji Abdul Karim Amrullah untuk menjadi pembantu guru di Surau Jembatan Besi (Hamka, 1982: 301).

Taufiqurrahman (2011: 85) menjelaskan bahawa latar belakang pendidikan Zainuddin Labay adalah secara tidak sistematik. Kendatipun begitu, beliau mempunyai sikap dan keperibadian yang unik dan berpotensi untuk maju ke hadapan. Dikatakan unik itu adalah kerana proses pendidikannya adalah tidak teratur dan tidak sistematik, namun beliau mampu melontarkan idea-idea yang bernas dan cemerlang serta berjaya merealisasikan sistem pendidikan Islam ke arah yang lebih moden dan mampu juga melahirkan generasi pendidik yang sangat berpengaruh dalam dunia pendidikan Islam selanjutnya. Walaupun Zainuddin Labay membangunkan pendidikan jenis tradisional (surau), namun ia memiliki wawasan yang inovatif dan moden. Di samping itu juga, idea-idea pembaharuan Zainuddin Labay amat memberi kesan dan mampu mempengaruhi masyarakat pada zamannya secara terbuka.

PERANAN ZAINUDDIN LABAY DALAM GERAKAN ISLAH

Peranan Zainuddin Labay sebagai seorang tokoh islah telah kelihatan sejak beliau masih dalam usia yang masih muda. Perkara pertama yang boleh diteliti dalam kehidupannya adalah cara beliau menyusun nama, iaitu Zainuddin Labay al-Yunusiyyah. Gelaran *Labay* yang digunakan

di belakang namanya sebenarnya bukanlah gelaran kehormat yang diberikan oleh nenek moyang atau alim ulama kepadanya tetapi beliau sendiri yang meletakkan gelaran itu kepada namanya. Seluruh penduduk ketika itu memanggil nama Zainuddin berserta gelaran *Labay* di belakangnya hingga ke akhir hayatnya bahkan sampai sekarang juga (Muhapril, 2015: 39).

Sekiranya dilihat istilah *Labay* di dalam kosa kata Minangkabau berasal daripada perkataan bahasa Arab, iaitu *labbayk* yang bermaksud memenuhi panggilan. Panggilan yang dipenuhi itu adalah panggilan daripada Ilahi. Gelaran *Labay* di Minangkabau menjadi simbol untuk orang yang mahir dalam bidang agama. Dalam konteks yang lebih luas, gelaran ini menjadi suatu gelaran kehormat dalam lingkungan adat dan budaya Minangkabau. Sesiapa yang memperoleh gelaran tersebut sangat dihormati dan dimuliakan (Mahmud, 1973: 390).

Jika dibandingkan dengan ulama sezaman dengannya, cara Zainuddin Labay berpakaian sudah menunjukkan suatu yang berbeza. Beliau sentiasa memakai baju jas dan tali leher serta tidak mahu untuk berpakaian kain sarung dan kopiah seperti mana yang selalu dipakai oleh ulama-ulama tradisional. Oleh kerana itu, masyarakat sukar untuk menerima perkara yang dilakukan oleh Zainuddin Labay. Beliau memakai pakaian seperti itu bagi mengubah persepsi masyarakat mengenai golongan agama yang sering dipandang sebagai golongan yang sentiasa memakai pakaian lusuh (Aminuddin, 1991: 87).

Agama

Zainuddin Labay merupakan ulama yang telah menerima ilmu pengetahuan dan pelajaran daripada para ulama yang berpegang dengan mazhab Shafii. Tambahan pula, ayahnya Syekh Muhammad Yunus al-Khalidiyah juga merupakan pengikut kepada tarekat Naqshabandiyah yang bermazhab Shafii (Taufiqurrahman, 2011: 98). Namun begitu, Zainuddin Labay tetap membaca dan menelaah buku-buku yang mengandungi perbincangan daripada mazhab-mazhab yang lain. Justeru, sumbangan Zainuddin Labay juga dilihat dalam usaha beliau menyelesaikan isu-isu dan masalah keagamaan yang timbul dalam kalangan umat Islam di Minangkabau pada ketika itu. Menurut Taufiqurrahman (2011: 99), dalam mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah agama yang berlaku dalam kalangan umat Islam, khususnya masyarakat Minangkabau, Zainuddin Labay tidak hanya membahasnya daripada satu sudut pandangan dan fahaman mazhab Shafi'i akan tetapi beliau berusaha untuk mengkaji dan mempelajarinya semula berpandukan al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW.

Segala perbincangan dan pandangan yang dikemukakan oleh Zainuddin Labay berkenaan masalah keagamaan yang berlaku dalam kalangan umat Islam khususnya di Minangkabau ini telah dimuatkan dalam majalah *al-Munir* dan *al-Munir al-Manar*. Penulisan ini telah menjadi bukti terhadap sumbangan Zainuddin Labay dalam mengemukakan sesuatu fatwa yang diistilahkan sebagai *fatwa al-Munir* (Muhapril, 2015: 57). Antara contoh isu keagamaan yang timbul ialah berkenaan hukum menyimpan koleksi gambar dan hukum memakai tali leher dan topi cepiau (Zainuddin, 1920). Zainuddin Labay mengemukakan pandangan tersebut setelah selesai mempelajari dengan bersungguh-sungguh serta mengkaji pandangan setiap mazhab dan para ulama serta mencari jawapan dalam al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW.

Terdapat banyak fatwa yang dikemukakan oleh Zainuddin Labay bertentangan dengan fahaman dan amalan yang dilakukan oleh masyarakat Minangkabau ketika itu seperti masalah bunga bank, nikah tahlil, tayamum menggunakan pasir, hukum seorang suami mempunyai

empat orang isteri, harta pusaka dan lain lain. Segala fatwa yang dikemukakan oleh Zainuddin Labay bertujuan untuk memberikan kefahaman yang benar dengan disertakan bersama dalil dan alasan yang berdasarkan kepada al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW. Sebagai seorang yang mengerti tentang agama, maka Zainuddin Labay berasa terpanggil dan tekad dalam mengeluarkan fatwa-fatwa bagi menyelesaikan masalah keagamaan yang berlaku pada ketika itu dalam kalangan masyarakat Minangkabau (Taufiqurrahman, 2011: 146). Hasil ijtihad Zainuddin Labay merupakan sumbangan beliau terhadap agama suatu ketika dahulu. Jasa dan usaha Zainuddin Labay sebagai ulama di Minangkabau merupakan suatu perkara yang perlu dihargai.

Taraf Wanita

Zainuddin Labay juga turut berusaha memperjuangkan hak kaum wanita dalam pendidikan. Zainuddin Labay berpandangan bahawa kaum wanita wajar diberikan peluang dan kesempatan untuk turut serta dalam pendidikan dan mencari ilmu pengetahuan sama seperti kaum lelaki. Dalam satu karya Zainuddin Labay berjudul, *Apa Benarkah Tuahnya Bermenantu* ada menjelaskan tentang keadaan kaum perempuan di Minangkabau suatu masa dahulu. Sebahagian masyarakat Minangkabau enggan memberikan peluang dan kesempatan kepada anak perempuan dan kaum wanita ini untuk melakukan perubahan dan kemajuan dalam bidang pendidikan. Kebanyakan kaum wanita di Minangkabau ini akan dikahwinkan pada usia yang muda dan akibatnya banyak kes perceraian yang telah berlaku (Taufiqurrahman, 2011: 151).

Menurut Taufiqurrahman (2011: 152), Zainuddin Labay kurang senang dengan situasi seperti ini yang mencerminkan kemunduran masyarakat Minangkabau pada ketika itu. Oleh itu, Zainuddin Labay bertekad untuk mengubah pemikiran dan gaya hidup masyarakat Minangkabau pada waktu itu supaya mereka lebih bersifat terbuka dalam memberi peluang serta kesempatan kepada anak-anak perempuan mereka untuk turut serta dalam bidang pendidikan. Justeru, Zainuddin Labay menerusi karyanya telah membuat satu gambaran perbandingan yang nyata berkenaan kaum wanita yang telah berjaya dengan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang diperoleh. Gambaran yang telah diberikan oleh Zainuddin Labay ini merupakan mesej yang cuba dibawa dan disampaikan kepada umat Islam amnya dan masyarakat Minangkabau khasnya.

Penerangan di atas menunjukkan Zainuddin Labay juga memainkan peranan penting dalam menaikkan taraf golongan wanita terutama di Minangkabau. Pelbagai usaha yang dilakukan untuk membuka pemikiran sempit masyarakat yang beranggapan golongan wanita tidak layak untuk melangkah lebih jauh khususnya jika dilihat dalam bidang pendidikan. Pembaharuan pemikiran yang diberikan oleh Zainuddin Labay ternyata memberi wajah baru kepada kegiatan intelektual golongan wanita.

Kafe Buffet Merah

Sikap dan pandangan moden Zainuddin Labay dalam gerakan *islah* terlihat ketika beliau menubuhkan sebuah kafe yang diberi nama Buffet Merah. Tujuan penubuhan kafe ini adalah sebagai salah satu usaha syarikat kerjasama untuk membantu dan menyokong pelaksanaan pendidikan di sekolah *Diniyah School*. Selain itu, kafe ini juga berfungsi sebagai tempat

masyarakat membincangkan isu-isu politik, perkembangan dan kemajuan yang diperolehi oleh bangsa-bangsa yang lain. Hal ini dijelaskan secara langsung Zainuddin Labay: “Jika ingin mengaji agama secara mendalam datanglah ke *Diniyah School* atau ke Sumatera Thawalib, tetapi jika ingin mengkaji masalah politik, di Buffet Merah kita bertemu” (Hasniah, 1996: 381).

Muhapril (2015: 49) menyatakan bahawa situasi politik yang berlaku di dalam atau luar negara masih belum difahami sepenuhnya oleh golongan masyarakat. Hal ini kerana pada masa itu masyarakat masih tidak mampu untuk menghadiri sekolah yang mengajar mereka untuk mengetahui tentang isu-isu dunia luar. Ditambah lagi dengan kenyataan bahawa kebanyakan sekolah yang ada hanya tertumpu kepada subjek agama tanpa ada kaitan dengan ilmu politik. Sekolah yang dikelola oleh Belanda sahaja mempunyai subjek yang membahaskan mengenai isu-isu politik namun sekolah itu sukar untuk dihadiri oleh masyarakat biasa.

Zainuddin Labay melakukan inisiatif untuk membuka ruang kepada masyarakat membincangkan dan mengetahui masalah politik atau kemasyarakatan yang sedang berlaku. Oleh hal demikian, pemikiran dan wawasan masyarakat menjadi semakin meningkat dari semasa ke semasa. Namun kegiatan ini berakhir apabila keluarnya arahan daripada pihak kolonial Belanda supaya menutup kafe tersebut pada 1926, iaitu setelah dua tahun Zainuddin Labay meninggal dunia. Arahan ini dikeluarkan kerana terdapat tuduhan dan hasutan bahawa kafe ini menjadi pusat untuk kegiatan komunis (Deliar, 1980: 57).

PERANAN ZAINUDDIN LABAY AL-YUSNUSIYYAH DALAM PEMBAHARUAN PENDIDIKAN ISLAM DI MINANGKABAU

Antara usaha pembaharuan terbesar yang dilakukan oleh Zainuddin Labay ialah memperbaharui sistem pendidikan Islam di Minangkabau. Pembaharuan pendidikan Islam ini merupakan satu keinginan dan cita-cita yang sudah lama beliau impikan untuk dilaksanakan kepada masyarakat Islam Minangkabau. Hal ini kerana beberapa faktor yang mendorong beliau menubuhkan *Diniyah School*, iaitu kehidupan masyarakat Minangkabau yang kebanyakannya mengamalkan ajaran Islam berorientasikan pandangan daripada fatwa para ulama dan guru mereka dan beranggapan bahawa fatwa diajarkan merupakan sebahagian daripada ajaran agama yang tidak boleh diubah dan diperhalusi.

Selain itu juga, Zainuddin Labay melihat bahawa cara pendidikan surau yang diamalkan dalam kalangan masyarakat pada masa tersebut sudah kuno dan tidak lagi mengikuti perkembangan zaman. Walaupun sistem pendidikan tersebut telah memberi impak dan sumbangan besar kepada masyarakat Minangkabau, akan tetapi perubahan serta pembaharuan dimasukkan untuk memajukan pendidikan Islam dan masyarakat Minangkabau setaraf dengan pendidikan lain yang wujud pada waktu tersebut. Perubahan tersebut perlu meliputi seluruh aspek yang wujud dalam sesebuah institusi pendidikan seperti prasarana, kaedah pembelajaran dan pengajaran, guru serta bahan-bahan pengajaran (Arnelis et al., 2016: 5). Steenbrink (1986: 27) berpendapat institusi pendidikan yang ada pada masa dahulu tidak mampu membimbing masyarakat untuk ke hadapan dan berfikiran lebih maju. Oleh itu, satu pembaharuan mesti dilakukan bagi merubah cara pelaksanaan pendidikan Islam.

Setelah Zainuddin Labay melihat dan menyaksikan pelbagai bentuk pendidikan kepada masyarakat yang kebanyakannya mendorong keadaan masyarakat menjadi tidak baik, lantas muncul niat dan kemahuan kuat untuk memajukan pendidikan mereka supaya dapat

memperbaiki pegangan agama dan moral mereka. *Diniyah School* merupakan hasil besar yang dapat dilihat daripada gerakan pembaharuan dalam bidang pendidikan Islam. Sekolah ini telah diasaskan oleh Zainuddin Labay al-Yunusiyyah dan bertempat di Padang Panjang pada tahun 1915M. Sekolah ini diinspirasikan daripada sistem pendidikan Islam di Mesir. Dalam konteks ini, kewujudannya merupakan suatu usaha untuk memajukan sistem pendidikan Islam secara tradisional menjadi sebuah pendidikan Islam moden yang dapat bergerak selari dengan zaman (Edwar, 1981: 35).

Menurut Steenbrink (1986: 44), *Diniyah School* merupakan sebuah institusi yang digunakan dalam proses mengajar dan belajar. Sekolah ini tidak lagi menggunakan sistem pendidikan surau yang berbentuk klasik malahan semua murid sudah mula belajar dengan menggunakan kerusi, meja dan papan tulis. Antara pembaharuan pendidikannya ialah sistem pembelajaran yang bersifat moden, subjek pembelajaran meliputi ilmu agama dan umum serta kurikulumnya sudah disusun dengan teratur. Bagi bidang agama, sistem pembelajarannya diinspirasi daripada sistem pembelajaran yang dilaksanakan di Mesir. Sementara untuk bidang umum, ia cenderung mengambil sistem pembelajaran yang dikembangkan oleh Mustafa Kemal Pasha, Muhammad Abduh, dan Rashid Rida.

Tahap Pembelajaran *Diniyah School*

Diniyah School yang dibina mempunyai dua tahap. Tahap yang pertama dikenali sebagai *tamhid*, iaitu tahap pengenalan. Manakala tahap kedua dikenali sebagai tahap *Diniyah School*. Tahap ini telah dipecahkan kepada dua tahap lagi, iaitu tahap *Ibtida'iyah* dan tingkatan *Thanawiyah*. Tahap *tamhid* merupakan tingkatan pengenalan bagi kanak-kanak yang masih belum mengenali dan memahami bahasa Arab. Oleh itu, mereka akan diberikan pendedahan berkenaan asas-asas bahasa Arab seperti menulis huruf jawi. Selain itu, murid-murid ini juga akan didedahkan dengan kosa kata dan perbendaharaan kata bahasa Arab yang mudah seperti nama-nama benda di sekolah, rumah, anggota tubuh badan serta banyak lagi (Mahmud, 1993: 68).

Seterusnya pada tahap *Ibtida'iyah*, iaitu tingkat pendidikan rendah. Tempoh pengajiannya ialah empat tahun dan murid-murid yang diterima pada tingkat ini berumur antara sembilan hingga 10 tahun (Nasril, 2017: 54). Menurut Rini (2015: 44), pada peringkat ini, buku-buku yang digunakan dalam sesi pengajian ialah hasil karya Zainuddin Labay yang disusun dan diolah agar bersesuaian dengan ilmu pendidikan. Peringkat *Thanawiyah* masa belajarnya ialah tiga tahun dan juga turut menggunakan buku-buku karya Zainuddin Labay namun ditambah dengan buku-buku yang diterbitkan di Mesir dan Bayrut. Tingkatan *Thanawiyah* ini selari dengan sistem pendidikan MULO, iaitu institusi pendidikan Belanda (Taufiqurrahman, 2011: 89).

Pendidikan *Diniyah School* diselenggarakan mengikut sistem berkelas. Kemampuan pelajar tidak diukur berdasarkan penguasaan sesuatu ilmu akan tetapi diukur berdasarkan kelas tersendiri. Menurut Muhapril (2015:84), kelas rendah akan diberikan pelajaran yang agak ringan manakala bagi tahap kelas tinggi pula akan diberikan pelajaran yang tinggi. Secara umumnya, *Diniyah School* mempunyai tujuh kelas daripada kelas pertama hingga kepada kelas ketujuh seperti yang wujud dalam sistem berkelas dalam sekolah pendidikan Belanda.

Waktu Belajar *Diniyah School*

Kebanyakan madrasah pada waktu itu mempunyai waktu belajar yang tidak menentu. Terdapat madrasah yang mempunyai waktu belajar pada waktu pagi, tengah hari dan petang terutama di madrasah-madrasah yang mempunyai murid yang ramai (Arnelis et al., 2016: 8). Hal ini menyebabkan waktu belajar terpaksa dipecah kepada tiga kali sehari, iaitu dari pukul tujuh pagi hingga sepuluh pagi, dari pukul sepuluh pagi hingga satu tengah hari dan yang terakhir dari pukul tiga petang hingga lima petang.

Manakala bagi *Diniyah School*, sekolah ini telah menetapkan waktu belajar bagi para murid pada petang hari. Hal ini disebabkan supaya pada waktu pagi murid-murid boleh menggunakan masanya untuk belajar di sekolah kerajaan atau di surau Jembatan Besi Padang Panjang. Seperti yang diketahui, murid-murid boleh mendapatkan pengetahuan mengenai ilmu alat di sekolah manakala di surau Jembatan Besi Padang Panjang pula murid-murid boleh mendalami ilmu agama dengan sistem *halaqah*. Perkara ini sebenarnya disebabkan oleh *Diniyah School* berusaha untuk menggabungkan cara belajar yang ada dalam institusi dan tujuan berbeza, iaitu agama dan duniawi (Muhapril, 2015: 43).

Subjek *Diniyah School*

Subjek yang terdapat di *Diniyah School* amatlah berbeza jika dibandingkan dengan madrasah-madrasah yang lain. Meskipun terdapat madrasah yang mempunyai nama sama namun mungkin terdapat perbezaan pada mata pelajarannya. Mahmud (1993: 15) menyebutkan bahawa rancangan mata pelajaran yang diamalkan di *Diniyah School* merupakan antara rancangan mata pelajaran yang terbaik pada masa tersebut. Semua mata pelajaran dirancang dengan begitu telus. Walaupun begitu, Zainuddin Labay masih mengaplikasikan sebahagian mata pelajaran yang diajarkan di surau kepada *Diniyah School*. Mata pelajaran ini telah menggabungkan kedua-dua aspek ilmu, iaitu agama dan duniawi. Antara mata pelajaran yang meliputi bidang keagamaan seperti membaca al-Quran, ilmu tauhid, ilmu fekah, akhlak, Bahasa Arab dan sejarah Islam. Manakala mata pelajaran yang berbentuk pengajaran bukan berasaskan agama ialah seperti membaca, menulis, berhitung, ilmu falak, ilmu bumi dan juga ilmu pendidikan (Mardjani, 1977: 34)

Bahan Belajar

Walaupun terdapat sebahagian mata pelajaran antara sistem tradisional yang mempunyai persamaan di dalam *Diniyah School* namun terdapat perbezaan yang amat ketara, iaitu penggunaan bahan belajar atau buku. *Diniyah School* sudah mula memakai kitab-kitab yang baru, iaitu kitab-kitab yang kebanyakannya dibawa dari Mesir seperti kitab *Durus al-Nahwiyyah* jilid satu dan tiga, *Qawa'id al-Lughah al-'Arabiyyah* sebagai ganti kepada kitab *al-Jurumiyyah* dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga buku diimport daripada Mesir yang digunapakai pada tingkat *Ibtida'iyah*. Sekiranya difikirkan secara logik, buku-buku tersebut hanya sesuai untuk pelajar di Mesir dan tidak sesuai untuk pelajar di Indonesia. Pelajar yang menguasai Bahasa Arab secara mendalam sahaja mampu untuk memahami istilah-istilah di dalam buku tersebut (Muhapril, 2015: 45).

Selain itu, terdapat buku-buku Mesir yang diterjemahkan oleh Zainuddin Labay daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Indonesia untuk mata pelajaran seperti Tarikh Islam. Kemudian, beliau berusaha mengarang buku-buku dalam Bahasa Indonesia bagi kelas permulaan dan Bahasa Arab untuk tingkat *Ibtida'iyah*. Sebagai ganti kitab *Fath al-Qarib*, beliau telah mengarang kitab *al-Durus al-Fiqhiyyah*, manakala kitab *Mabadi' 'Arabiyyah* sebagai ganti kitab *al-Jurumiyyah*. Pada peringkat tinggi, *Diniyah School* masih menggunakan kitab dari Bayrut dan Mesir. Terdapat juga setengah mata pelajaran yang menggunakan kitab-kitab karangan Zainuddin Labay seperti kitab *'Aqa'id Diniyyah* dan juga *Irshad al-Murid* (Taufiqurrahman, 2011: 56).

Organisasi *Diniyah School*

Zainuddin Labay juga menubuhkan satu organisasi atau lebih dikenali dengan persatuan untuk *Diniyah School*. Organisasi tersebut mula ditubuhkan pada 1921 dan diberi nama Persatuan Murid-murid *Diniyah School* (PMDS). Organisasi ini ditubuhkan bertujuan menyokong dan menonjolkan daya pemikiran kreatif pelajar-pelajar *Diniyah School*. Selain itu juga, PMDS bertujuan menggiatkan para pelajar *Diniyah School* untuk belajar ilmu agama dan menguatkan hubungan di antara pelajar *Diniyah School* itu sendiri serta sebagai wadah untuk mengumpulkan dan membina semangat para pelajarnya (Fikrul Hanif 2018: 27).

PMDS sangat menyokong dan menyetujui semua kegiatan dan aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar *Diniyah School* pada waktu tertentu. Hal ini disebabkan bagi menanam semangat cinta kepada diri, tanah air, agama dan bangsanya. Pada peringkat permulaan, organisasi ini hanyalah dianggotai oleh murid-murid *Diniyah School*. Pada tahun 1923, PMDS bersama dengan Zainuddin Labay meyetujui dan menyokong satu gagasan pembaharuan besar yang hendak dilakukan oleh Rahmah al-Yunusiyyah iaitu idea untuk menubuhkan *Diniyah School* Puteri khusus untuk pelajar perempuan sahaja (Jajat, 2002: 14).

KESIMPULAN

Gerakan *islah* di Minangkabau memberi impak besar khususnya kepada masyarakat Islam. Kehadiran Zainuddin Labay al-Yunusiyyah menambahkan lagi impak positif kepada masyarakat Islam di Minangkabau. Penubuhan *Diniyah School* merupakan realisasi daripada idea hebat beliau untuk memajukan sistem pendidikan Islam di Minangkabau. Selain itu juga, sistem pendidikan Islam berorientasikan sistem moden dijalankan untuk berdiri sama taraf dengan sistem pendidikan moden Belanda yang rancak berkembang di Minangkabau. Pelbagai pembaharuan dilakukan dalam menjadikan sistem pendidikan Islam bertambah baik seperti memperbaharui silibus pelajaran, mengadakan jadual dan waktu pembelajaran yang konsisten, prasarana sekolah yang selesa dan juga buku-buku kebanyakannya digunakan daripada negara Mesir. Penubuhan *Diniyah School* berjaya membuka minda pengasas sekolah-sekolah lain akan peri pentingnya sistem pendidikan yang baru. Hal ini dapat dibuktikan dengan banyak sekolah yang sama nama dengannya muncul di daerah Minangkabau. Walaupun sekolah ini tidak dapat bertahan lama, namun ia telah diteruskan legasinya oleh sekolah-sekolah yang mengambil contoh darinya dan sejarah tetap akan menjulang nama *Diniyah School* sebagai pelopor institusi pendidikan Islam moden sampai bila-bila. *Diniyah School* Puteri yang diasaskan oleh adiknya,

iaitu Rahmah al-Yunusiyyah antara contoh institusi pendidikan Islam yang diinspirasi dari *Diniyah School* dan terkenal sehingga sekarang.

RUJUKAN

- Abdul Fadhil. (2007). Transformasi pendidikan Islam di Minangkabau. *Jurnal Sejarah Lontar* 4(2): 42-56.
- Aminuddin Rasyad. (1991). *Rahmah el-Yunusiyyah dan Zainuddin Labay el-Yunusy: Dua Bersaudara Tokoh Pembaharu Sistem Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Pengurus Perguruan Diniyah Putri Padang Panjang Perwakilan Jakarta.
- Arnelis et al. (2016). Usaha Kaum Mudo Minangkabau dalam pembaharuan pendidikan Islam dan implikasinya terhadap pelayanan bimbingan dan konseling. *Konselor* 5(3): 1-10.
- Deliar Noer. (1980). *Gerakan Modern Islam di Indoneia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES.
- Edwar (pnyt). (1981). *Riwayat Hidup dan Perjuangan 20 Ulama Besar Sumatera Barat*. t.tp.: t.pt.
- Fikrul Hanif Sufyan. (2018). *Menuju Lentera Merah: Gerakan Propagandis Komunis di Serambi Mekah 1923-1949*. Yogyakarta: UGM Press.
- Hamka. (1982). *Ayahku: Riwayat Hidup Dr. Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera Barat*. Jakarta: Uminda.
- Harun Nasution. (1994). *Pembaharuan dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Pembaharuan*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hasniah Saleh. (1996). *Dra. Hj. Isnaniah Saleh: Pengembara, Pelanjut Cita-Cita dan Perjuangan Rahmah el-Yunusiyyah*. Jakarta: Pengurus Perguruan Diniyyah Putri Padang Panjang Perwakilan Jakarta.
- Jajat Burhanuddin. (2002). *Ulama Perempuan Indonesia*. Gramedia Pustaka Utama.
- Mahmud Yunus. (1973). *Kamus Arab Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyelenggaraan dan Penterjemah.
- Mahmud Yunus. (1993). *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Mardjani Martamin. (1977). *Sejarah Pendidikan Sumatera Barat*. Sumatera Barat: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Marimba. (1962). *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Alma'ari.
- Muhapril Musri. (2015). *Zainuddin Labay El-Yunusy: Akar-akar Historis Pembaharuan Pendidikan Islam di Minangkabau Awal Abad XX*. Semarang: Pustaka Tinta Mas.
- Nasril. (2017). Modernisasi pendidikan Islam awal abad XX kasus Sumatera Barat. *Jurnal Pendidikan Islam* 1(2): 76-107.
- Rini Rahman. (2015). Modernisasi pendidikan Islam awal abad 20 (Studi kasus di Sumatera Barat). *Humanus: Jurnal Ilmiah Ilmu-ilmu Humaniora* 2(14): 174-182.
- Steenbrink, K.A. (1986). *Pesantren, Madrasah dan Sekolah: Pendidikan Islam dalam Kurun Moderen*. Jakarta: LP3ES.
- Taufiqurrahman. (2011). Pemikiran keagamaan Zainuddin Labay el-Yunusy dalam pergerakan kaum muda di Minangkabau. Tesis Doktor Falsafaj. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tim Penyusun. (t.th.). *Peringatan 55 Tahun Diniyah Putri Padanag Panjang*. Jakarta: Ghalia Indonesia.

Zainuddin Labay. (1920). Hukum memakai capiau. *al-Munir al-Manar*. Jun, hlm. 313-314.